

**PENGURUSAN KURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK DI SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH KOTA KINABALU**

**Oleh:
RAHMAH BINTI AWANG BESAR**



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN)
SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2004**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@


JUDUL : Pengurusan Kurikulum Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik
Di Sekolah Menengah Di Daerah Kota Kinabalu

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)


SESI PENGAJIAN : Jun 2002 – Jun 2004

Saya, RAHMAH BINTI AWANG BESAR mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. TIDAK TERHAD




Disahkan oleh


NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE
PUSTAKAWAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


(Penulis: RAHMAH BINTI AWG BESAR)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)


(DR. SABARIAH SHARIF)

Tarikh: 24 Julai 2004

Tarikh: 25/08/04

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

RAHMAH BINTI HJ.AWANG BESAR
PS(2002) – 006 (k) – 222
24 JULAI 2004

Nama dan program ini adalah _____
R. Subash Singh
Tahun _____



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN PEMERIKSA

Saya mengesahkan telah memeriksa kertas projek bertajuk "Pengurusan Kurikulum dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik di Sekolah Menengah di Daerah Kota Kinabalu" oleh Rahmah Binti Hj.Awang Besar. Saya memperakukan bahawa kertas projek ini diterima sebagai memenuhi sebahagian syarat memperoleh ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan).

Nama dan pengesahan penyelia: _____

Dr. Sabariah Shairif.

Tarikh: _____

25/08/04



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kehadiran Allah S.W.T kerana dengan rahmat serta izinNya, saya dapat menyempurnakan kertas projek ini. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan saya rakamkan buat penyelia saya Dr. Sabariah Sharif atas segala bimbingan, tunjuk ajar, memberikan nasihat, panduan dan kritikan membina yang telah diberikan. Semoga bakti yang dicurahkan ini mendapat ganjaran yang setimpal dengan-Nya.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial terutamanya kepada Profesor Dr.Shukery Mohamed, Timbalan Dekan Profesor Madya Dr.Zulkefli Mohamed, Profesor Madya Dr.Salleh Abdul Rashid, Profesor Madya Dr.Syed Azizi Wafa, Dr.Vincent Pang, Dr..Ambikavathi Periasamy, Encik Tan Choon Keong, Profesor Dr.Mohammad Adam Bakar, Profesor Dr.Ahmad Zabidi, Profesor Dr.Mohd.Majid Isa, Dr.Saad Yassin, dan pensyarah-pensyarah program Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) Universiti Malaysia Sabah. Segala ilmu yang dicurahkan selama ini tidak mungkin terbalas. Hanya Yang Maha Esa sahaja yang dapat membalasnya.

Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Sabah yang telah memberi kebenaran untuk menjalankan penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak sekolah atas kerjasama yang diberikan dan guru-guru yang telah menjadi responden saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan buat rakan sekuliah terutama Ganit Sanai, Annie Sawali, dan Norafidah Alidin, dan kakitangan akademik serta sokongan universiti di atas segala dorongan dan bantuan yang diberikan.

Teristimewa ucapan terima kasih buat suami tersayang, segala pengorbananmu memberi sokongan dan membantu menjayakan kajian ini amat saya hargai. Buat ayah, ibu tersayang, dan permata hatiku Mohd. Hafizuddin Haziq, Nurhidayah Hazirah, Mohd. Fakhrol Hazim Hilmi, Nurhafizah Syafiqah dan Mohd. Izzat Izzuddin sentiasa menjadi sumber inspirasiku. Buat abang dan adik tersayang, terima kasih atas sokongan dan bantuanmu.

ABSTRAK

PENGURUSAN KURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DI SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KOTA KINABALU

Kajian ini bertujuan untuk meninjau adakah budaya pengurusan kurikulum yang sistematik, berkesan dan cemerlang telah diamalkan di sekolah-sekolah menengah pada hari ini, untuk mengetahui adakah sistem pengurusan kurikulum di sekolah pencapaian cemerlang berbeza dengan pencapaian memuaskan dan sederhana dan untuk mengetahui adakah sistem pengurusan kurikulum sesebuah sekolah mempengaruhi pencapaian sekolah tersebut dalam peperiksaan awam. Dua set soal selidik digunakan untuk mengesan sistem pengurusan kurikulum sekolah dan sistem pengurusan panatia. Responden kajian terdiri daripada 12 orang Setiausaha Akademik dan 96 orang Ketua Panatia dari 12 buah sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu. Data di analisis menggunakan program *The Statistical Package for Social Science* (SPSS version 10.0). Statistik yang digunakan dalam kajian ini ialah statistik deskriptif dan inferensi. Untuk menguji hipotesis analisis varians satu hala dan kolerasi Pearson digunakan. Dapatan utama kajian ini ialah sistem pengurusan kurikulum yang meliputi sistem pengurusan panatia di kebanyakan sekolah menengah pada hari ini di tahap yang memuaskan. Hanya sebahagian kecil sahaja sekolah yang telah mengamalkan budaya pengurusan kurikulum yang boleh dianggap sistematik, berkesan, dan cemerlang. Didapati sistem pengurusan kurikulum di sekolah pencapaian cemerlang lebih baik daripada sekolah pencapaian memuaskan dan sederhana. Keberkesanan sistem pengurusan kurikulum sesebuah sekolah merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian sekolah tersebut dalam peperiksaan awam. Berasaskan dapatan ini dicadangkan semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan khususnya bidang kurikulum dan pengurusannya dari semua peringkat terutama pengurus kurikulum peringkat sekolah mengkaji semula sistem pengurusan sekolah masing-masing untuk tujuan memperbaiki, memperkukuh dan meningkatkan keberkesanan.

ABSTRACT

CURRICULUM MANAGEMENT AND RELATIONSHIP BETWEEN ACADEMIC ACHIEVEMENT IN SECONDARY SCHOOLS IN KOTA KINABALU DISTRICT

The main purpose of in study was to investigate how systematic, effective and excellent is the curriculum management in the secondary schools today, to compare between the curriculum management in excellent achievement schools, satisfactory school and the moderate school and to find out whether curriculum management in school influence students results in the public examination. Two sets of questionnaire were used to identify the curriculum management system and the subject department management system. The respondents of the study were 12 Academic Secretary and 96 the subject department management system from 12 secondary school in Kota Kinabalu district. The data was analysed using The Statistical Package for Social Science (SPSS version 10.0) and descriptive statistics and inference used this research. One way variance (ANOVA) and Pearson Correlation were used to test the hypothesis. The findings showed that curriculum management system including the management of each subject department in most of the secondary schools today is in satisfactory level. Based upon the findings, it is recommended that those involved in education especially in the curriculum and management department review the curriculum management system of their schools with the aims to improve it.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN JUDUL (Bahasa Melayu)	i
HALAMAN JUDUL (Bahasa Inggeris)	ii
PENGAKUAN	iii
PENGAKUAN PEMERIKSA	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Kepentingan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Konsep	13
1.9 Model Teori Kajian	17
1.10 Rumusan	19
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	20
2.2 Ulasan Teori	20
2.3 Kajian Lepas	29
2.4 Rumusan	38
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pendahuluan	40
3.2 Reka Bentuk Penyelidikan	40
3.3 Populasi	41
3.4 Sampel	41
3.5 Alat Kajian	42
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	45
3.7 Prosuder Kajian	46
3.8 Tatacara Analisis Data	47
3.9 Rumusan/Kesimpulan	50

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	52
4.2	Profil Responden	52
4.3	Dapatan Kajian	55
4.4	Rumusan	74

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1	Pendahuluan	76
5.2	Rumusan	76
5.3	Perbincangan	78
5.4	Implikasi	84
5.5	Limitasi Kajian	85
5.6	Cadangan	86

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

A	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Maktab Perguruan, Universiti, Jabatan Pendidikan Negeri Dan Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia	54
B	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah Sabah	56
C	Soal Selidik	58

SENARAI JADUAL

JADUAL	Halaman
3.1 Cara Pemarkahan Soal Selidik Bahagian Prinsip-Prinsip Pengurusan dan Pengesanan Pengetahuan dan Kemahiran Dalam Sistem Pengurusan Kurikulum dan Panatia	43
3.2 Cara Pemarkahan Soal Selidik Bahagian Pengesanan Masalah-Masalah Utama Dalam Pengurusan Panatia	44
3.3 Pemilihan Alat Statistik Yang Sesuai Berasaskan Skala Pengukuran Tuckman (1978)	49
4.1 Bilangan Setiausaha Akademik Mengikut Kategori Sekolah	52
4.2 Bilangan Setiausaha Akademik Mengikut Kelulusan	53
4.3 Bilangan Setiausaha Akademik Mengikut Tempoh Masa Menjawat Jawatan Sebagai Setiausaha Akademik	53
4.4 Bilangan Ketua-Ketua Mata Pelajaran Mengikut Kelulusan	54
4.5 Bilangan Ketua Panatia Mata Pelajaran Mengikut Tempoh Masa Menjawat Jawatan Sebagai Ketua Panatia Mata Pelajaran	55
4.6 Min Skor Sistem Pengurusan Kurikulum Mengikut Kategori	56
4.7 Min Skor Sistem Pengurusan Mengikut Kategori	56
4.8 Min Skor Sistem Pengurusan Kurikulum Mengikut Prinsip-Prinsip Pengurusan Bagi KeTiga-Tiga Kategori Sekolah	57
4.9 Min Skor Sistem Pengurusan Panatia Mengikut Prinsip-Prinsip Bagi Ketiga-Tiga Kategori Sekolah	58
4.10 Keputusan Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) Sistem Pengurusan Kurikulum Secara Keseluruhan Bagi KeTiga-Tiga Kategori Sekolah	59
4.11 Keputusan Ujian HSD Tukey Bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah Yang Signifikan	60
4.12 Keputusan Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) Sistem Pengurusan Panatia Secara Keseluruhan Bagi KeTiga-Tiga Kategori Sekolah	61
4.13 Keputusan Ujian HSD Tukey Bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah Yang Signifikan	61

4.14	Keputusan Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) Bagi Prinsip Perancangan Pengurusan Panatia Secara Keseluruhan Ke Tiga-Tiga Kategori Sekolah	62
4.15	Keputusan Ujian HSD Tukey Bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah Yang Signifikan	63
4.16	Keputusan Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) Bagi Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan Pengurusan Panatia Secara Keseluruhan Di Ketiga-Tiga Kategori Sekolah	63
4.17	Keputusan Ujian HSD Tukey Bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah Yang Signifikan	64
4.18	Keputusan Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) Bagi Prinsip Kepimpinan Pengurusan Panatia Secara Keseluruhan Di Ketiga-Tiga Kategori Sekolah	65
4.19	Keputusan Ujian HSD Tukey Bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah Yang Signifikan	65
4.20	Keputusan Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) Bagi Prinsip Penyeliaan dan Pengawalan Pengurusan Panatia Secara Keseluruhan Di Ketiga-Tiga Kategori Sekolah	66
4.21	Keputusan Ujian HSD Tukey Bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah Yang Signifikan	67
4.22	Keputusan Ujian Koefisien Kolerasi Pearson Antara Pencapaian Sekolah Dalam Peperiksaan Awam Dengan Sistem Pengurusan Kurikulum	67
4.23	Keputusan Ujian Koefisien Kolerasi Pearson Antara Pencapaian Sekolah Dalam Peperiksaan Awam Dengan Sistem Pengurusan Panatia	68
4.24	Keputusan Ujian Koefisien Kolerasi Pearson Antara Pencapaian Mata Pelajaran Dalam Peperiksaan Awam Dengan Sistem Pengurusan Panatia Setiap Mata pelajaran	69
4.25	Min Skor Item-Item Pengesanan Pengetahuan dan Kemahiran Setiausaha Akademik Dalam Pengurusan Kurikulum Mengikut Kategori Sekolah	71
4.26	Min Skor Item-Item Pengesanan Pengetahuan dan Kemahiran Ketua Panatia Dalam Pengurusan Kurikulum Mengikut Kategori Sekolah	72
4.27	Min Skor Item-Item Pengesanan Masalah-Masalah Utama Dalam Pengurusan Panatia Mengikut Kategori Sekolah	73

SENARAI RAJAH

RAJAH		Halaman
1.1	Model Kajian Sistem Pengurusan Kurikulum dan Panitia	17
2.1	Proses Pengurusan (POLC) dan Elemen Asas	23
2.2	Struktur Organisasi Sekolah Menengah	28
2.3	Struktur Organisasi Panitia Mata Pelajaran	28



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
SKPC	Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang
SKPM	Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan
SKPS	Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPSS	The Statistical Package for Social Sciences
N	Bilangan
<	Lebih Kecil Daripada
P	Aras Keyakinan
r	Pekali Kolerasi Pearson
SP	Sisihan Piawai
F	Anova-Sehala
DF	Darjah Kebebasan
SS	Jumlah Kuasa Dua
MS	Min Kuasa Dua

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Wawasan 2020 merupakan matlamat yang telah ditetapkan oleh Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju seutuhnya menjelang 2020, maju dalam semua dimensi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya. Kemajuan menurut acuan sendiri, dibangunkan dan ditumbuhkan dari potensi, warisan dan tradisi kita sendiri. Demikian yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Bekas Perdana Menteri Malaysia Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad (1992):

'Kita perlu menjadi negara yang maju menurut acuan kita sendiri. Malaysia tidak harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mesti menjadi negara maju dari segi ekonomi, pendidikan, sosial kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan perpaduan sosial, dari segi ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan akan bangsa sendiri'.

Oleh itu, peranan penting pendidikan bagi menyumbang ke arah pencapaian matlamat wawasan 2020 memang sudah tidak dapat dinafikan lagi.

Matlamat tersebut hanya akan dapat sepenuhnya tercapai melalui sistem pendidikan yang sistematik, berkesan dan berkualiti. Sehubungan dengan ini, pendidikan yang berterusan seperti yang tercatat dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah digubal lebih awal sebelum wawasan 2020, hendaklah dijadikan paksi yang kukuh. Berikutan dengan ini juga, beberapa reformasi pendidikan telah dan sedang diusahakan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi kemampuan sistem pendidikan bagi memenuhi keperluan semasa dan cabaran masa depan.

Hussien Ahmad (1992) melihat reformasi pendidikan sebagai usaha yang pelbagai ke arah memperbaiki kedua-dua aspek teori dan amalan dalam pendidikan. Reformasi pendidikan yang telah bermula sejak 1965 lagi ialah untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan dari kedua-dua aspek tersebut. Reformasi pendidikan semakin berkembang pada dekad 80-an, lebih-lebih lagi dengan pengungkapan rasmi Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1988. Antaranya yang penting ialah Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Bidang pendidikan khususnya bidang kurikulum adalah bersifat dinamik. Ia berkembang untuk memenuhi keperluan semasa.

Pengurusan dalam pendidikan di Malaysia boleh dianggap sebagai 'pendatang baru'. Kesedaran terhadap kepentingan bidang ini di kalangan para pendidik tanah air adalah agak lewat (Abdul Rahman Mat, 1992). Menurut beliau, perkembangan pendidikan di negara ini, khususnya dalam bidang pengurusan atau pentadbiran pendidikan di negara ini secara saintifik dan sistematik, hanya

bermula selepas penubuhan Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) pada awal dekad 1970-an. Kemudian lahirlah beberapa bahagian lain di Kementerian Pendidikan seperti Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Lembaga Peperiksaan, Unit Kesihatan dan Unit Perpustakaan Teknologi.

Rita Yiah (1993) menyatakan sistem pendidikan di Malaysia telah menempuh tiga 'gelombang' reformasi. Gelombang pertama reformasi pendidikan pada sekitar tahun 1960-an dan 1970-an, gelombang kedua pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang masing-masing mula dilaksanakan 1982/1983 dan 1988/1989. Gelombang ketiga yang sedang diamalkan sekarang adalah berkisar mengenai sistem pengurusan sekolah yang meliputi beberapa aspek seperti pengurusan kurikulum, kokurikulum, pengurusan pejabat, pengurusan sumber manusia, kepimpinan dan lain-lain.

Di antara aspek pengurusan sekolah, bidang pengurusan kurikulum merupakan antara aspek yang terpenting dan sebelum ini perhatian pihak atasan dan pihak sekolah lebih tertumpu kepada proses pengajaran dan pembelajaran tanpa memberi perhatian yang sama kepada proses pengurusannya. Perlu diambil perhatian bahawa isu pengurusan kurikulum masa kini bukan sahaja berkisar mengenai bagaimana hendak memaksimumkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan tetapi juga kepada masalah bagaimana untuk melahirkan pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi rohani, jasmani, intelek dan emosi.

Oleh sebab itu, peranan Pengetua, Penolong Kanan, Ketua Bidang, Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia dalam usaha ini adalah menguruskan reformasi kurikulum yang sistematik, efektif dalam menghasilkan pelajar yang memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan berani menahului cabaran 2020.


1.2 Pernyataan masalah

Menyedari betapa pentingnya pengurusan yang sistematik diwujudkan dan diamalkan di sekolah-sekolah. Maka usaha telah dijalankan terutama oleh Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan stail dan sistem pengurusan berkesan di sekolah. Pebagai kursus dan seminar telah dikendalikan berdasarkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan penyusunan semula sekolah. Antaranya yang diberi penekanan ialah kurikulum sekolah. Pada dasarnya, kurikulum semua mata pelajaran kini menitikberatkan proses pendidikan yang bersifat menyeluruh dan seimbang dalam semua aspek perkembangan individu (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1989).

Sejauhmana program dan reformasi dirancang untuk mencapai matlamat, banyak bergantung kepada kecekapan sistem pengurusannya. Peringkat sekolah terutama Pengetua, Penolong Kanan 1, Ketua Bidang, Ketua Panitia, dan Setiausaha Akademik memainkan peranan penting sebagai pemimpin ikhtisas dalam pelaksanaan program kurikulum sekolah masing-masing. Manakala guru pula perlu bertindak bukan sahaja sebagai pelaksana kurikulum

yang telah digubal, tetapi juga penting untuk menjadi agen inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sejauhmana amalan pengurusan kurikulum yang berkesan dan cemerlang telah dilaksanakan di sekolah menengah pada hari ini? Untuk mengetahuinya, perlu ada satu sistem pengesanan dan pengawalan untuk mengukur keberkesanan dan akauntabiliti pengurusan kurikulum yang telah diamalkan di sekolah pada hari ini. Sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Bin Mohammad (1993):



'Pengesanan merupakan salah satu fungsi pengurusan dan salah satu komponen penting dalam proses kurikulum. Maksudnya pengurusan kurikulum tidak akan sempurna tanpa pengesanan'.

Isu yang sering dipersoalkan oleh golongan pendidik ialah adakah sistem dan stail pengurusan kurikulum yang cemerlang dan berkesan boleh mempengaruhi pencapaian akademik sesebuah sekolah dalam peperiksaan awam. Berdasarkan kepada laporan PMR dan SPM didapati pencapaian sekolah adalah berbeza sama ada cemerlang, memuaskan, sederhana dan sebagainya. Dalam daerah yang sama pun keputusan peperiksaan awam di antara satu sekolah dengan sekolah lain adalah berbeza walaupun latar belakang dan kebolehan pelajar adalah lebih kurang sama. Antara alasan yang sering diberikan ialah sekolah-sekolah yang cemerlang mengamalkan budaya pengurusan kurikulum yang berkesan. Sejauhmanakah kebenaran isu ini?

Budaya pengurusan kurikulum yang bagaimana menghasilkan kecemerlangan akademik sekolah-sekolah tersebut.

Merujuk kepada sistem pengurusan panatia mata pelajaran, dipercayai kecemerlangan pencapaian sesuatu mata pelajaran dalam peperiksaan awam sedikit sebanyak dipengaruhi oleh sejauhmana aktifnya panatia tersebut melaksanakan aktiviti-aktiviti kurikulum terutama yang berkaitan dengan prestasi peperiksaan sekolah. Untuk memastikan semua aktiviti kurikulum sekolah dapat dilaksanakan dengan sistematik, Setiausaha Akademik sekolah seharusnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kurikulum sekolah dan Ketua Panatia berkemahiran dalam pengurusan panatia masing-masing.

Oleh sebab itu, perlu ada pengesanan untuk mengetahui sejauhmana pengetahuan dan kemahiran yang telah dikuasai oleh mereka. Pemilihan Setiausaha Akademik dan Ketua Panatia sepatutnya mengikut garis panduan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu berdasarkan kepada kelayakan akademik dan ikhtisas, pengalaman mengajar, prestasi kerja dan sifat-sifat kepimpinan (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan;1989). Sehingga ke hari ini, kajian tempatan yang dijalankan ke atas isu-isu berkaitan pengurusan kurikulum sekolah masih kurang. Faktor inilah yang mendorong penyelidik untuk membuat kajian terhadap bidang ini.

1.3 Kepentingan Kajian

Mengesan sejauhmana keberkesanan sistem tersebut telah dilaksanakan di sekolah menengah pada hari ini. Dapatan pengesanan boleh digunakan oleh banyak pihak di semua peringkat dari Kementerian Pendidikan hinggalah ke pihak sekolah sebagai panduan dan tindakan.

Di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah, dapatan kajian boleh digunakan sebagai panduan dan perbandingan untuk mengkaji dan menilai semula sistem pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah dalam negeri dan daerah masing-masing. Di peringkat sekolah, Pengetua, Penolong Kanan 1, Ketua Bidang, Ketua Panitia, Setiausaha Akademik dan guru boleh mendapat faedah dari dapatan kajian untuk tujuan memperbaiki dan meningkatkan kualiti sistem pengurusan kurikulum dan penyeliaan di sekolah masing-masing.

Dapatan menjadi sumber pengetahuan yang boleh dikongsi bersama oleh semua golongan pendidik, terutama pengetua dan pentadbir sekolah. Dapatan mengenai ciri-ciri pengurusan kurikulum di sekolah cemerlang boleh menjadi model untuk dicontohi.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum:

Meninjau sejauhmanakah amalan pengurusan kurikulum yang sistematik, berkesan dan cemerlang telah diamalkan oleh sekolah-sekolah menengah pada hari ini.

Objektif khusus:

- 1.4.1 Menentukan sama ada wujud perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulum atau panatia di sekolah kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC), sekolah kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM) dan sekolah kategori Pencapaian Sederhana (SKPS).
- 1.4.2 Menentukan sama ada pencapaian sesebuah sekolah dalam peperiksaan awam dipengaruhi oleh sistem pengurusan kurikulum sekolah tersebut atau tidak.
- 1.4.3 Menentukan sama ada pencapaian sesuatu mata pelajaran dalam peperiksaan awam dipengaruhi oleh sistem pengurusan panatianya atau tidak.
- 1.4.4 Mengesan sejauhmanakah tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran setiausaha akademik dalam pengurusan kurikulum sekolah dan ketua panatia dalam pengurusan panatianya.
- 1.4.5 Mengesan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh ketua panatia dalam pengurusan panatianya.

1.5 Persoalan Kajian

Berpandukan objektif kajian di atas, 6 soalan kajian telah dibentuk. Tujuannya adalah untuk memudahkan prosedur kajian, terutamanya untuk bahagian perbincangan keputusan kajian dan kesimpulan kajian dalam Bab 4 dan 5. Bahagian ini akan dibincangkan berdasarkan soalan kajian berikut:-

Sejauhmanakah budaya pengurusan kurikulum yang sistematik, berkesan dan cemerlang telah diamalkan di sekolah-sekolah menengah pada hari ini?

- 1.5.1 Adakah wujud perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulum sekolah dan sistem pengurusan panatia di sekolah kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC), sekolah kategori Pencapaian Memuaskan dan sekolah kategori Pencapaian Sederhana?
- 1.5.2 Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara sistem pencapaian mata pelajaran dalam peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan kurikulumnya?
- 1.5.3 Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian mata pelajaran dalam peperiksaan awam dengan sistem pengurusan panatianya?

1.5.4 Sejuahmanakah pengetahuan dan kemahiran yang telah dikuasai oleh Setiausaha Akademik Sekolah dalam pengurusan kurikulum sekolahnya dan Ketua Panitia mata pelajaran dalam pengurusan panatianya di semua kategori sekolah?

1.5.5 Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Ketua Panitia dalam pengurusan panatianya di semua kategori sekolah?

1.6 Hipotesis Kajian

1.6.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam sistem pengurusan kurikulum di sekolah kategori pencapaian cemerlang, sekolah kategori pencapaian memuaskan dan sekolah kategori pencapaian sederhana.

1.6.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam sistem pengurusan panatia di sekolah kategori pencapaian cemerlang, sekolah kategori pencapaian memuaskan dan sekolah kategori pencapaian sederhana.

1.6.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam sistem pengurusan panatia mengikut prinsip-prinsip pengurusan di ketiga-tiga kategori sekolah.

1.6.4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peperiksaan awam dengan sistem pengurusan kurikulum sekolah.

1.6.5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian peperiksaan mata pelajaran dalam peperiksaan awam dengan sistem pengurusan panatia.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu di daerah yang mempunyai kategori Pencapaian Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana sahaja. Kebanyakan sekolah di daerah yang dikaji adalah termasuk dalam sekolah kategori Pencapaian Memuaskan. Walau bagaimanapun jumlah tersebut adalah mencukupi kerana kebanyakan data yang dikaji dianalisis mengikut min.

Bagi memudahkan, penyelidik menggunakan keputusan peperiksaan PMR dan SPM sebagai ukuran sekolah dan pencapaian sesuatu mata pelajaran. Walau bagaimanapun, hanya ketua-ketua panatia bagi mata pelajaran yang terlibat dalam PMR sahaja dipilih sebagai responden. Mata pelajaran tersebut ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi, Sejarah, Pendidikan Islam dan Kemahiran Hidup Bersepadu. Ini adalah kerana mata pelajaran ini wujud di semua sekolah tersebut. Oleh sebab itu, mudah untuk membuat perbezaan antara sekolah-sekolah yang dikaji.

Untuk membahagikan sekolah kepada sekolah kategori Pencapaian Cemerlang, sekolah kategori Pencapaian Memuaskan dan sekolah kategori Pencapaian Sederhana, penyelidik hanya menggunakan keputusan PMR dan SPM untuk dua tahun berturut-turut sahaja iaitu tahun 2002 dan 2003. Bagi